

D824

U B394 DEB
MAHATHIR R R R

BAGAN SERAI, 26 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA SOAL MEMILIH KERAJAAN SELAIN KERAJAAN BARISAN NASIONAL YANG BERTANGGUNGJAWAB BUKANLAH SATU PERKARA YANG BOLEH +DICUBA-CUBA+ ATAU DIPERMAIN-MAINKAN.

KATANYA, RAKYAT AKAN MENYESAL DAN MENDERITA KALAU MEREKA TERPILIH KERAJAAN LAIN YANG MENJANJIKAN PELBAGAI PERKARA YANG SEDAP DIDENGAR TETAPI TIDAK AKAN DILAKSANAKAN.

MEREKA YANG DIBERI KUASA BOLEH MEMINDA PERLEMBAGAAN NEGARA UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA TERUS BERKUASA= MENGHAPUS PILIHAN RAYA DAN MENYEKAT KEBEBASAN RAKYAT SUNGGUHPUN PERKARA INI TIDAK PERNAH DITIMBULKAN SEMASA MENARIK MINAT RAKYAT MENYOKONGI MEREKA.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM +JASA MU DIKENANG+ ANJURAN UMNO BAHAGIAN BAGAN SERAI DI SINI MALAM INI.

BELIAU JUGA MENGINGATKAN RAKYAT KALAU PERKARA ITU SUDAH BERLAKU BUKANLAH PERKARA YANG MUDAH LAGI BAGI RAKYAT HENDAK MEMILIH SEMULA KERAJAAN SEPERTI KERAJAAN BN YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI. -- LAGI.
0009MST 27 06 86

U825

U B395 DEB
MAHATHIR 2 BAGAN SERAI R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMINTA RAKYAT MEMIKIRKAN DENGAN MATANG ANDAIAN-ANDAIAN YANG DIBUAT SEPERTI MENGUNDI PARTI ITU UNTUK KERAJAAN NEGERI DAN PARTI YANG SATU LAGI BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN.

KATANNYA, PERBUATAN SEDEMIKIAN MENDEDAHKAN NEGARA KEPADA KEADAAN YANG TIDAK STABIL.

+SEBENARNYA PARTI-PARTI POLITIK YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB SANGGUP BERJANJI APA SAHAJA UNTUK MENGABUI DAN MENAWAN HATI RAKYAT MALAH SANGGUP MENJANJIKAN AKHIRAT JIKA MEREKA DISOKONG,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU MENGGESA RAKYAT SUPAYA JANGAN MUDAH TERTIPU DAN TERPEDAYA DENGAN JANJI-JANJI KOSONG ITU ATAU DENGAN PELBAGAI FITNAH DAN TOHMAH YANG SEMAKIN KUAT DISEBARKAN APABILA SEMAKIN DEKAT DENGAN PILIHAN RAYA.

TUGAS BESAR UMNO, TEGAS BELIAU LAGI, IALAH MENJADI PELINDUNG KEPADA AGAMA, BANGSA, DAN NEGARA DAN BUKAN PENGHANCUR SEMATA-MATA UNTUK MENCAPAI KEPENTINGAN POLITIK MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN UMNO DENGAN KERJASAMA PARTI-PARTI KOMPONEN BN YANG LAIN AKAN TERUS BEKERJASAMA UNTUK MEMERINTAH NEGARA SECARA AMAN DAN ADIL BAGI SEMUA PIHAK.

LEBIH 1,500 ORANG MENGHADIRI MAJLIS ITU TERMASUK DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI, MENTERI BESAR DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB DAN TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA DATUK HAJI ZAINAL ABIDIN ZIN SELAKU KETUA UMNO BAHAGIAN ITU. -- BERNAMA.
0020MST 27 06 86